Meletakkan emoji pada penghujung mesej teks sepetimana dalam ruangan komen di media sosial juga dapat menjimatkan masa pengguna untuk menaip mesej (Boia, Faltings, Musat & Pu, 2013; Derks, Bos & von Grumbkow, 2008). Ini menunjukkan emoji membantu dalam komunikasi tidak bersemuka dengan menjadikannya lebih cekap, berkesan, jelas dan menyeronokkan (Yuizono, Qi & Munemori, 2012; Varnhagen et al., 2010; Huang, Yen & Zhang, 2008; Kindred & Roper, 2004). Emoji juga sering digunakan dalam komunikasi dalam talian seperti *tweets*, blog dan Facebook (Boia, Faltings, Musat & Pu, 2013) malah popular dalam kalangan pengguna mesej ringkas untuk platform sosial seperti *WhatsApp*, *We Chat*, *Telegram* dan mesej e-mel (Provine, Spencer, & Mandell, 2007; Markman & Oshima, 2007; Huffaker & Calvert, 2005; Baron, 2004; Merchant, 2001; Utz, 2000).

Selain digunakan secara meluas untuk komunikasi dalam talian, simbol emoji seperti senyum turut dicetak pada cawan, alat tulis, pelekat kereta, gelang malah emoji senyum pernah dicetak pada setem di Amerika Syarikat (Ibrahim, 2014). Simbol-simbol emoji juga pernah digunakan bagi mengukur tahap emosi kepuasan pekerja sama ada mereka berasa sangat berpuas hati atau sebaliknya (Suryani, 2011). Ini menunjukkan penggunaan emoji tidak hanya terbatas bagi komunikasi tidak bersemuka dalam talian sahaja, malah ia juga digunakan dalam medium paparan digital dan bercetak yang lain.




Sementara itu, daripada aspek reka bentuk, secara asasnya terdapat dua pendekatan reka bentuk menggunakan emoji dalam medium paparan digital dan bercetak iaitu reka bentuk flat dan reka bentuk skeuomorphism. Reka bentuk flat ialah apabila paparan mewakili suasana 2D, yang mana reka bentuknya tidak menyerupai objek dalam dunia sebenar iaitu tidak mempunyai elemen seperti bayang-bayang, tekstur atau gradien (Banga & Weinhold, 2014). Reka bentuk flat yang bersifat 2D ini adalah popular kerana ia merupakan trend semasa serta penyelesaian terbaik bagi reka bentuk mudah (Greif, 2012a). Reka bentuk flat yang menggunakan konsep minimalisme dapat menunjukkan tujuan sebenar reka bentuk dalam interaksi antara muka pengguna (UI) (Hooten, Hayes & Adams, 2013). Namun, reka bentuk flat juga mempunyai kontroversi terhadap penggunaannya dalam bidang UI, iaitu seperti salah faham terhadap maklumat (Grief, 2013; Moore, 2013).



Apabila elemen seperti bayang pada reka bentuk flat diminimumkan secara keterlaluan, ia boleh menyebabkan kekeliruan dalam kalangan pengguna (Rudberg, 2013). Oleh itu, reka bentuk flat sering juga digantikan dengan reka bentuk skeuomorphism kerana kegalalannya dari sudut mencipta hubungan emosi antara paparan dengan pengguna (Gruber, 2013). Namun kini, reka bentuk flat mula kembali digunakan secara meluas kerana nilai estetikanya adalah menonjol secara visual walaupun penggunaannya dalam UI masih mempunyai kontroversi (Moore, 2013).

Rajah 1.1 hingga Rajah 1.3 memaparkan jenis-jenis emoji untuk reka bentuk flat.





Rajah 1.1. Emoji untuk Reka bentuk Flat (Garis). Sumber:  
<http://dribble.com/shots/1894984-Emoji-icons>



Rajah 1.2. Emoji untuk Reka bentuk Flat (Garis berwarna). Sumber:  
<http://www.interactiondesign.org/literature/article/flat-design-an-introduction?>



Rajah 1.3. Emoji untuk Reka bentuk Flat (vektor). Sumber:  
<http://www.freepik.com/free-photos-vectors/emoticon>

Selain daripada emoji dengan reka bentuk flat, emoji dengan reka bentuk skeuomorphism pula merupakan reka bentuk yang realistik dan mempunyai kebolehgunaan yang tinggi serta berupaya mewujudkan emosi positif dalam kalangan pengguna (Downer, 2012). Kesan 3D pada reka bentuk skeuomorphism membuatkan

pengguna lebih mudah untuk berinteraksi dengan aplikasi-aplikasi yang dihasilkan (Sanchez, 2012). Reka bentuk skeuomorphism kelihatan seolah-olah sama dengan ciri-ciri objek asal namun ia tidak berfungsi sepenuhnya seperti objek asal (Greif, 2012b). Berikut ialah contoh-contoh reka bentuk skeuomorphism bagi emoji.



Rajah 1.4. Emoji untuk Reka bentuk Skeuomorphism (garis dan bayang). Sumber: <http://m.zerohora.com.br/291/tecnologia/4635856/aprenda-a-habilitar-o-teclado-de-carinhas-em-seu-celular>



Rajah 1.5. Emoji untuk Reka bentuk Skeuomorphism (3 Dimensi). Sumber: <http://www.cgtrader.com/3d-models/character/fantasy/emoji-pack-printable>



Rajah 1.6. Emoji untuk Reka bentuk Skeuomorphism (Realistik). Sumber: Aplikasi Emojiface 1.0

Seterusnya, selain daripada penggunaan emoji dalam komunikasi tidak bersemuka seperti dalam media sosial dan juga mesej ringkas, emoji turut digunakan di dalam medium lain seperti poster, brosur, iklan, filem dan sebagainya bagi membantu menyampaikan mesej dan membina emosi positif dalam kalangan pengguna. Sebagai contoh, penambahan emoji dalam poster promosi jualan sayur-sayuran dan susu putih bebas lemak berupaya meningkatkan jualan barang makanan ini di kafeteria sekolah awam di Cincinnati, Ohio Amerika Syarikat dan kajian ini di jalankan terhadap kanak-kanak berusia enam tahun (Siegel et al., 2015).

Penambahan emoji pada poster jualan memberikan kesan emosi positif dan membantu kanak-kanak sekolah membuat pilihan yang lebih baik (Privitera, Phillips, Misenheimer & Paque, 2014). Ini menunjukkan, emoji mampu mengubah pendirian pengguna dalam membuat keputusan kerana ia memberi kesan terhadap emosi. Dengan kos yang lebih murah berbanding kaedah lain, penggunaan emoji di dalam poster untuk tujuan promosi adalah lebih praktikal untuk memperbaiki cara pemilihan



makanan dengan mewujudkan emosi positif dalam kalangan kanak-kanak (Siegel et al., 2015).

Secara kesimpulan, poster kempen yang menggunakan simbol emoji berupaya memberi kesan emosi positif kepada pengguna dalam membuat pertimbangan bermakna. Sebagai contoh, dapat dilihat dalam dapatan kajian Sodikin et al. (2016), Gallo (2016) dan Siegel et al. (2015). Namun, kajian-kajian ini hanya terbatas dalam melihat kesan penggunaan emoji terhadap mewujudkan emosi positif. Timbul persoalan, adakah pendekatan reka bentuk emoji yang berbeza dalam poster tersebut dapat memberikan kesan emosi yang sama? Walaupun terdapat pelbagai pendekatan reka bentuk emoji tetapi sangat kurang kajian yang melihat hubungan aspek pendekatan reka bentuk dengan emosi. Ini dapat dilihat daripada kajian-kajian lepas



Kebanyakan kajian adalah berkisar mengenai emoji dalam pembelajaran (Walther & D' Addario, 2001), emoji dalam pembelajaran dalam talian (Derks et al., 2008b), komunikasi dan hubungan antara emoji dengan emosi (Lo, 2008; Derks, 2008a), peranan emoji sebagai isyarat bukan lisan (*nonverbal*) dalam komunikasi sosial yang berbeza (Liebman & Gergle, 2016) dan peranan emoji selain daripada menggambarkan emosi dalam komunikasi dalam talian (Dresner & Herring, 2010). Dapat disimpulkan, emoji memainkan peranan penting dalam komunikasi digital (Miller et al., 2016).





Oleh itu, pendekatan reka bentuk emoji yang berbeza dalam poster perlu dikaji secara mendalam, terutamanya kesan akibat emoji yang realistik. Ini kerana, teori *Uncanny Valley* menyatakan bahawa tahap realistik yang tinggi bagi sesuatu paparan dapat mewujudkan rasa tidak selesa dalam kalangan pengguna (Mori, 2012). Tahap realistik bagi paparan wajah 3D dikatakan adalah lebih tinggi berbanding paparan wajah dua dimensi (2D), kerana 3D lebih mirip wajah manusia sebenar (Oddey & White, 2009). Kajian-kajian yang pernah dijalankan ternyata masih belum menyentuh mengenai tahap realistik emoji dalam komunikasi visual. Oleh itu, adalah amat penting dilakukan kajian mengenai kesan tahap realistik emoji terhadap pengguna, terutamanya dari sudut empati.

Secara kesimpulan, kajian ini bermatlamat untuk melihat kesan reka bentuk



poster kesedaran dengan paparan emoji yang berbeza tahap realistik terhadap empati pengguna. Dua pendekatan reka bentuk emoji dalam poster kesedaran yang akan digunakan ialah reka bentuk flat dan reka bentuk skeuomorphism.





### 1.3 Pernyataan Masalah

Penggunaan emoji amat meluas dan semakin popular dalam kalangan pengguna media komunikasi kini. Fungsi dan kegunaan emoji kebiasaannya sering dikaitkan dengan mesej teks, di mana emoji bertindak sebagai pelengkap kepada mesej teks untuk menyampaikan perasaan atau emosi kepada penerima. Namun, penggunaan emoji sebenarnya tidak hanya terbatas kepada komunikasi teks dalam talian sahaja. Ia juga pernah digunakan dalam media lain seperti poster bagi menyampaikan emosi dan menjelaskan mesej kepada masyarakat.

Walaupun penggunaan emoji di dalam media selain komunikasi teks masih belum meluas, tetapi telah terdapat beberapa kajian yang membuktikan bahawa emoji mampu menyampaikan emosi dan mempengaruhi keputusan seseorang. Namun, kajian lampau yang dirujuk lebih memberi perhatian kepada emosi kanak-kanak (Siegel et al., 2015). Bagaimanakah pula kesan paparan emoji dalam medium seperti poster kesedaran terhadap emosi golongan selain daripada kanak-kanak? Adakah kesannya sama atau sebaliknya?

Daripada aspek reka bentuk, reka bentuk emoji juga mengalami perubahan dari semasa ke semasa seperti mana reka bentuk logo dan laman sesawang yang sentiasa berubah mengikut peredaran zaman dan trend. Jika diperhatikan, terdapat pelbagai jenis reka bentuk emoji yang boleh digunakan oleh pengguna dalam komunikasi masa kini. Sebagai contoh, terdapat reka bentuk emoji yang hanya terdiri daripada garis, mempunyai garis dan bayang-bayang malah ada sebahagian daripada emoji yang kelihatan realistik dan hampir menyerupai wajah manusia sebenar, malah





ada yang dihasilkan daripada gambar pengguna sendiri seperti aplikasi *Emojiface*. Sehubungan itu, timbul persoalan, adakah kesemua pendekatan reka bentuk ini akan memberi kesan emosi yang sama terhadap pengguna? Ini memandangkan, aspek realistik dilihat turut memberi kesan terhadap pengguna, sebagaimana kajian dalam bidang animasi dan permainan komputer (Tinwell, 2015).


Secara asasnya, reka bentuk emoji boleh dikategorikan kepada dua pendekatan reka bentuk iaitu flat (2D) dan skeuomorphism (3D). Reka bentuk emoji yang bagaimanakah dapat memberi kesan emosi positif yang optimum kepada pengguna? Adakah reka bentuk emoji flat yang mempunyai nilai estetika yang minima akan berjaya mengoptimumkan rangsangan emosi positif pengguna atau adakah reka bentuk emoji skeuomorphism yang kelihatan hampir sama dengan wajah sebenar akan berjaya mengoptimumkan rangsangan emosi positif pengguna? Atau adakah reka bentuk emoji yang mempunyai tahap realistik yang sederhana, iaitu tidak flat dan tidak terlalu realistik yang akan berjaya mengoptimumkan rangsangan emosi positif dalam kalangan pengguna?

Secara lebih jelas, Jadual 1.2 menggambarkan contoh emoji yang telah berkembang dari reka bentuk flat kepada reka bentuk skeuomorphism seperti mana telah juga dibincangkan dalam sub topik latar belakang kajian.



## Jadual 1.2

*Reka bentuk emoji flat kepada reka bentuk skeuomorphism dan realistik*



Seterusnya, kajian lampau banyak membincangkan mengenai penggunaan reka bentuk flat dan skeuomorphism dalam merangsang emosi positif bagi bidang-bidang tertentu seperti bidang pendidikan, industri animasi, antara muka pengguna (UI) dan *Games*. Di samping itu, terdapat juga kajian lampau yang membincangkan mengenai rangsangan emosi positif kesan daripada paparan reka bentuk emoji dalam komunikasi seperti kajian Siegel et al. (2015). Oleh itu, emoji turut dianggap sebagai komponen penting dalam komunikasi masa kini. Namun, adakah penggunaan emoji hanya sesuai digunakan dalam media komunikasi sahaja atau adakah ia juga sesuai digunakan dalam media bukan komunikasi seperti poster kesedaran?

Oleh itu, kajian perlu dijalankan bagi mencari jawapan bagi persoalan-persoalan ini. Sehubungan itu, secara kesimpulan, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan antara tahap realistik reka bentuk emoji dengan kesan terhadap rangsangan emosi pengguna dalam media yang tidak berbentuk media komunikasi seperti poster kesedaran keselamatan, terutamanya dalam kalangan pengguna remaja.



## 1.4 Signifikan Kajian

Kajian ini penting untuk mengenal pasti dan memilih tahap realistik reka bentuk emoji yang tepat bagi mencapai kesan emosi positif yang optimum dalam kalangan pengguna. Kajian ini juga penting untuk membuktikan bahawa reka bentuk emoji dengan pelbagai tahap realistik turut memberikan kesan emosi yang berbeza kepada pengguna, yang mana keadaan ini menyamai penilaian rupa dan penampilan luaran robot atau karakter animasi 3D seperti yang dibincangkan dalam teori ‘*Uncanny Valley*.’ Masyarakat umum peka dan sedar mengenai pentingnya pengetahuan terhadap tahap realistik sesuatu reka bentuk dalam bidang pendidikan, industri animasi dan *Games*. Namun, masih ramai yang tidak dapat melihat potensi reka bentuk emoji dalam menyampaikan mesej dan sentuhan emosi positif kepada



Sebagai contoh, dengan adanya penemuan-penemuan baru mengenai potensi reka bentuk emoji, poster yang sebelum ini hanya menyampaikan mesej secara bertulis dapat dilengkapkan dengan mesej emosi melalui pemilihan reka bentuk emoji dengan tahap realistik yang tepat. Fenomena seperti ini secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan fungsi sesebuah poster kesedaran malah ia turut mendatangkan emosi positif lain seperti gembira, terhibur, senang hati dan sebagainya kepada masyarakat. Sementara itu, dalam aspek sumbangan kepada dunia akademik pula, kajian ini akan dapat mengembangkan kerangka teori berkenaan peranan reka bentuk emoji yang berbeza tahap realistik dalam komunikasi sosial seperti peranannya dalam kempen kesedaran.



## 1.5 Kerangka Teori

Kerangka teori bagi kajian ini adalah berasaskan kepada dua teori iaitu Teori Simulasi dan juga fenomena *Uncanny Valley*. Teori Simulasi dipilih kerana ia memberikan andaian mengenai mekanisme minda seseorang sama ada secara *online* atau *off line* manakala fenomena *Uncanny Valley* pula dipilih kerana ia memberi andaian mengenai penerimaan sesuatu reka bentuk terutamanya apabila ia semakin menghampiri tahap realistik yang tinggi.

### 1.5.1 Teori Simulasi

Teori simulasi menyatakan bahawa seseorang individu menggunakan mekanisme minda mereka sendiri untuk mengira dan menjangkakan proses dalam minda dan fikiran orang lain (Kahneman & Tversky, 1982). Menurut teori simulasi juga, seseorang individu meletakkan diri mereka dalam situasi orang lain dan membayangkan bagaimana perasaan mereka jika berada di tempat orang tersebut (Shanton & Goldman, 2010; Goldman, 1989). Perasaan sebegini dapat dialami oleh individu lain dengan berpura-pura mewujudkan keadaan yang sama, contohnya berpura-pura mewujudkan rasa percaya dan juga keinginan sesuai dengan apa yang berlaku kepada orang lain, dalam minda mereka. Kemudian, mekanisme kognitif yang sesuai akan mengendalikan keadaan ini dan menghasilkan output yang baharu (contohnya membuat keputusan). Proses ini berlaku secara ‘*off line*’, iaitu dalam minda sahaja. Seluruh proses simulasi yang berlaku adalah seperti Rajah 1.7 di bawah.



Rajah 1.7. Proses keseluruhan simulası dalam minda (*Offline*) seseorang. Sumber: Gallese & Goldman (1998)

Teori Simulasi yang juga dikenali sebagai teori membaca minda, pada mulanya di cadangkan oleh Gordon dan Heal (1986), kemudian ia telah di sokong dan

dijelaskan dengan lebih lanjut oleh Harris (1991; 1989) dan Goldman (1992a; 1989).

Teori Simulasi versi Goldman yang telah ditambah baik pada tahun 2006, masih lagi mengekalkan konsep ‘sebelum seseorang individu boleh menghubungkan keadaan simulasi (pura-pura) kepada target, sistem kognitif individu itu perlu terlebih dahulu mengkaji perasaan yang dihasilkan’ kemudian baharulah dinyatakan kandungan dan jenisnya. Walau bagaimanapun, Gordon (1995) sebelum ini menolak penggunaan *introspection* (kaji diri) secara menyeluruh termasuklah mana-mana analogi yang mengeluarkan pendapat ‘daripada saya kepada awak’. Ini menunjukkan bahawa ahli-ahli teori juga mempunyai perbezaan pendapat dalam skop simulasi dalam membaca minda, namun bagi kajian yang dijalankan ini, ia lebih merujuk kepada teori simulasi versi Goldman.

Terdapat dua jenis simulasi berdasarkan bacaan minda:

1) Simulasi tahap rendah berdasarkan bacaan minda



Rajah 1.8. Bacaan minda tahap rendah dengan contoh perasaan seronok. Sumber: Shanton & Goldman (2010)

Simulasi tahap rendah merupakan simulasi interpersonal, iaitu melibatkan arahan atau petunjuk daripada pihak lain. Contoh perasaan yang disimulasikan dalam Rajah 1.8 ialah perasaan seronok. Pemerhati mengulangi perbuatan yang sama dengan pelaku setelah melihat dan membayangkannya, seterusnya ditunjukkan melalui tingkah laku. Gallese (2003) menegaskan simulasi ini adalah bersifat automatik dan tanpa sadar.

2) Simulasi tahap tinggi berdasarkan bacaan minda



Rajah 1.9. Bacaan minda tahap tinggi. Sumber: Shanton & Goldman (2010)



Simulasi tahap tinggi merupakan simulasi intrapersonal, iaitu melibatkan arahan simulasi daripada diri sendiri dan membina imej visual dalam minda berdasarkan maklumat yang sedia ada sehingga dapat membuat keputusan. Simulasi tahap tinggi adalah sesuai untuk kajian ini di mana, pengguna melihat poster kesedaran dan melalui proses simulasi dengan membina imej visual berdasarkan maklumat yang telah sedia ada di minda mereka dan seterusnya membuat keputusan sama ada memberi respons/ emosi positif atau sebaliknya.


Walaupun teori psikologi ini pada asalnya adalah untuk hubungan antara manusia secara bersemuka, namun, kajian ini akan mengadaptasi teori ini untuk komunikasi visual iaitu untuk hubungan antara manusia dan media, khususnya poster kesedaran. Emojji akan dimanfaatkan sepenuhnya bagi tujuan tersebut.



### 1.5.2 Fenomena *Uncanny Valley*

Teori kedua ialah fenomena *Uncanny Valley* yang dihasilkan oleh Masahiro Mori (2012) iaitu seorang profesor robotik dari Institut Teknologi Tokyo, Jepun. Ia digunakan untuk menilai rupa dan penampilan luaran sesuatu ciptaan. Teori ‘*Uncanny Valley*’ juga membincangkan mengenai reaksi tidak selesa dan perasaan seram pengguna apabila berhadapan dengan robot atau karakter animasi 3D yang sangat mirip dengan manusia sebenar (Mori, 2012).





Rajah 1.10. Graf *Uncanny Valley* mengenai hubungan antara reaksi positif dan negatif individu terhadap tahap realistik ciptaan. Sumber: Mori (2012)

Freud (1919) pernah menjelaskan dengan terperinci bahawa, jika sesuatu ciptaan yang biasa dilihat namun masih asing dalam kalangan pengguna, sebenarnya tetap boleh mendatangkan perasaan tidak selesa serta perasaan janggal dan kenyataan ini menyamai teori *Uncanny Valley*. Menurut Mori (2012), semakin mirip sesuatu ciptaan dengan rupa luaran dan tingkah laku manusia sebenar, maka semakin rendah penerimaan individu terhadap ciptaan tersebut. Sebagai contoh, robot yang dicipta seakan-akan manusia sebenar pada mulanya kelihatan lazim dalam kalangan pengguna, namun robot ini akan kelihatan asing apabila ia tidak mampu untuk bertindak dan berkelakuan seperti manusia sebenar (Mori, 2012).

Kegagalan untuk bersikap seperti manusia sebenar menyebabkannya kelihatan pelik dan janggal, malah ia tidak mampu untuk memberi respons seperti yang dijangkakan. Oleh sebab situasi dan perasaan janggal ini, maka wujudnya lembah luar biasa di dalam graf yang mana tahap keselesaan adalah negatif. Antara contoh ciptaan yang boleh mendatangkan reaksi negatif dalam *Uncanny Valley* ialah seperti zombi atau tangan palsu, ciptaan-ciptaan ini dihasilkan hampir menyerupai



manusia sebenar namun rupa dan tingkah laku tidak menyerupai manusia sebenar (Mori, 2012).

Reaksi negatif seperti perasaan takut dan tidak selesa akan semakin meningkat sekiranya rupa luaran dan penampilan yang janggal turut mempunyai pergerakan. Manakala reaksi positif pada graf dalam Rajah 1.10 pula terjadi apabila ciptaan yang dihasilkan tidak menyerupai manusia sebenar dan ia dapat dibezakan dengan mudah kerana terdapat perbezaan yang sangat ketara antara kedua-duanya. Teori Mori (2012) sangat bersesuaian dengan kajian ini kerana ia dapat digunakan untuk mengenal pasti tahap realistik reka bentuk emoji yang paling disenangi. Jika tahap realistik yang tidak sesuai digunakan ia sebenarnya boleh menyebabkan berlakunya kesan *Uncanny Valley* dalam kalangan pengguna (Ahmad Zamzuri & Mohd Najib, 2016; Kaba, 2013). Walaupun fenomena ini pada asalnya adalah untuk bidang robotik dan banyak juga diadaptasi untuk kajian-kajian kesan realistik dalam bidang animasi dan *games*, namun, kajian ini akan mengadaptasi fenomena ini untuk melihat aspek kesan realistik emoji dalam poster kesedaran.





## 1.6 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk membangun dan menguji keberkesan poster kesedaran dengan paparan emoji pelbagai tahap realistik. Secara terperinci, enam reka bentuk emoji berbeza yang akan dilihat kesannya terhadap empati ialah emoji garis, emoji garis berwarna dan emoji vektor bagi kategori reka bentuk flat manakala emoji garis dan bayang, emoji 3D serta emoji mirip wajah manusia sebenar pula bagi kategori reka bentuk skeuomorphism. Tema ‘Utamakan Keselamatan’ akan menjadi kandungan poster kesedaran yang dibangunkan. Sehubungan itu, objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Membangunkan poster berkonsepkan kesedaran dengan enam pendekatan reka bentuk emoji yang berbeza tahap realistik.
2. Menganalisis kesan reka bentuk emoji yang berbeza tahap realistik terhadap emosi pengguna.
3. Menganalisis kesan poster berkonsepkan kesedaran dengan paparan emoji pelbagai tahap realistik terhadap empati pengguna.
4. Menganalisis adakah emosi pengguna akibat daripada kesan realistik emoji merupakan mediator yang signifikan terhadap empati mereka terhadap poster yang berkonsepkan kesedaran.





## 1.7 Persoalan Kajian

1. Adakah reka bentuk emoji yang berbeza tahap realistik memberi kesan perbezaan yang signifikan terhadap emosi pengguna?
2. Adakah poster berkonsepkan kesedaran dengan paparan emoji pelbagai tahap realistik memberi kesan perbezaan yang signifikan terhadap empati pengguna?
3. Adakah emosi pengguna akibat daripada kesan realistik emoji merupakan mediator yang signifikan terhadap empati pengguna terhadap poster yang berkonsepkan kesedaran?



- H1. Reka bentuk emoji yang berbeza tahap realistik memberi kesan perbezaan yang signifikan terhadap emosi pengguna.
- H2. Poster berkonsepkan kesedaran dengan paparan emoji pelbagai tahap realistik memberi kesan perbezaan yang signifikan terhadap empati pengguna.
- H3. Emosi pengguna akibat daripada kesan realistik emoji merupakan mediator yang signifikan terhadap empati pengguna terhadap poster yang berkonsepkan kesedaran.





## 1.9 Batasan Kajian

Berikut ialah batasan yang terdapat dalam kajian ini:

1. Kajian ini menitik beratkan mengenai reka bentuk emoji yang mempunyai pelbagai tahap realistik yang terdiri daripada reka bentuk flat dan skeuomorphism. Di samping mengkaji mengenai aspek reka bentuk emoji, kesan emosi positif dan nilai empati dalam kalangan pengguna dinilai berdasarkan reka bentuk emoji di dalam poster kesedaran.
2. Kajian ini mengenai Keselamatan Bengkel dalam bentuk poster kesedaran yang mengandungi reka bentuk emoji dengan pelbagai tahap realistik.
3. Poster kesedaran yang dihasilkan adalah bertujuan untuk memujuk pengguna, oleh itu hanya emoji positif seperti senyum digunakan dalam kajian ini.
4. Emosi bagi tujuan kajian ini hanya terbatas dalam mengukur tahap keseronokan yang diukur dengan menggunakan instrumen *Self Assessment Manikin (SAM)*
5. Empati bagi tujuan kajian ini hanya terbatas dalam mengukur simulasi yang akan diukur dengan menggunakan instrumen *User Experience Questionnaire (UEQ)*



## 1.10 Definisi Operasional

### a) Empati

Empati bermaksud kebolehan untuk mengenal pasti perasaan orang lain, penyebab kepada perasaan tersebut dan mempunyai kemampuan untuk merasai perasaan individu lain tanpa berada dalam situasi individu tersebut (Keen, 2007). Empati juga boleh didefinisikan sebagai mengambil alih peranan iaitu tahu apa yang orang lain rasai, dengan emosi yang sama (merasai perasaan yang sama dengan apa yang dirasai oleh orang lain) dan penuh dengan simpati (mengambil berat dan memberi tindak balas kepada apa yang orang lain rasai) (Levenson & Ruef, 1992; Eisenberg & Strayer, 1987)

Dalam konteks kajian ini, empati merujuk kepada kemampuan pengguna untuk memberi responds terhadap emoji senyum pada poster kesedaran keselamatan yang dilihat. Seterusnya menghubungkaitkannya dengan pengalaman yang telah mereka miliki.

### b) Emozi

Emoji ialah ikon yang dapat menggambarkan emosi dan fikiran seseorang serta digunakan untuk membantu menambah baik komunikasi teks yang tidak berupaya menggambarkan ekspresi emosi secara tepat (Golden, 2015).

Dalam kajian ini, emoji merujuk kepada reka bentuk emoji flat dan emoji skeuomorphism yang digabungkan pada paparan poster kesedaran keselamatan di dalam bengkel. Reka bentuk emoji senyum dalam kajian ini



bertindak sebagai elemen memujuk dan memuji pada poster kesedaran.

c) Flat

Reka bentuk flat merupakan reka bentuk yang menggunakan teknik visual yang minimum, mengelakkan penggunaan tekstur dan kesan pencahayaan bagi mendapatkan rupa yang ringkas dan warna yang rata (Grief, 2013; Moore, 2013). Dalam konteks kajian ini, reka bentuk flat merujuk kepada emoji flat yang mempunyai permukaan rata yang digabungkan pada poster kesedaran.

d) Skeuomorphism



Reka bentuk skeuomorphism merupakan reka bentuk yang mempunyai elemen-elemen hiasan dan hampir menyamai reka bentuk asal objek (Stevens, Robinson, & MacEachren, 2013). Reka bentuk ini biasanya sarat dengan hiasan visual seperti garis dan bayang-bayang serta tekstur. Dalam konteks kajian ini, reka bentuk skeuomorphism merujuk kepada emoji skeuomorphism yang mempunyai elemen-elemen seakan 3 dimensi (3D) yang digabungkan pada poster kesedaran.



e) *Uncanny Valley*

Merupakan fenomena yang telah diperkenalkan oleh Mori (2012). Fenomena ini menjelaskan mengenai tahap realistik sesuatu ciptaan dan kesannya, antara contoh ciptaan ialah robot. Semakin tinggi tahap realistik sesuatu ciptaan, semakin ia menyerupai manusia sebenar, maka semakin meningkat persepsi yang aneh serta rasa tidak selesa kepada individu (Mori, 2012). Dalam kajian ini, teori *Uncanny Valley* dijadikan panduan bagi menentukan samada reka bentuk emoji yang terlalu realistik pada paparan poster kesedaran turut memberi persepsi yang aneh serta rasa kurang selesa dalam kalangan pelajar.

f) Teori simulasi

Perkataan simulasi berasal daripada perkataan Latin ‘*simulare*’ yang bermaksud tiru, salin dan berpura-pura. Kata kerja atau istilah ‘*simulare*’ diperoleh daripada perkataan ‘*similis*’ yang bermaksud sama atau mirip. Antara terminologi lain yang boleh diguna pakai untuk menggambarkan simulasi ialah replikasi (Heal, 1986), cipta semula (Currie & Ravenscroft, 1997) dan juga alami semula. Simulasi biasanya tidak memerlukan salinan yang tepat atau sama seratus peratus dengan asal. Dalam kajian ini, teori simulasi digunakan bagi mengadaptasi konsep senyuman manusia dalam komunikasi bersemuka kepada penggunaan emoji senyum pada paparan poster kesedaran dalam komunikasi bercetak. Tujuan utama adaptasi ini adalah untuk memujuk dan memuji pengguna bagi mematuhi peraturan dan menjaga keselamatan di dalam bengkel.



g) Kualiti Hedonik

Kualiti hedonik merujuk kepada keperluan psikologi pengguna, iaitu kemampuan seseorang untuk menyedari kemampuan dan pencapaian sesuatu produk. Ia lebih memberi fokus kepada diri sendiri dan berkisar mengenai mengapa seseorang individu harus memiliki dan menggunakan sesuatu produk (Hassenzahl et.al, 2008). Dalam konteks kajian ini, kualiti hedonik merangkumi tahap keterujaan dan motivasi pengguna terhadap poster kesedaran serta sejauh mana poster kesedaran ini dapat menarik minat pengguna.

h) Kualiti Pragmatik



Kualiti pragmatik merujuk kepada kemampuan produk dan bagaimana pengguna boleh mencapai matlamat mereka melalui penggunaan produk. Kualiti pragmatik memberi fokus terhadap kebergunaan dan kebolehgunaan sesuatu produk dalam menjalankan fungsinya. Ia juga mengenai bagaimana seseorang mencapai matlamat yang khusus melalui penggunaan produk yang digunakan (Hassenzahl et.al, 2008). Dalam konteks kajian ini, kualiti pragmatik merangkumi kemampuan pengguna untuk membiasakan diri serta kemampuan pengguna untuk mengawal interaksi mereka dengan poster kesedaran keselamatan di bengkel.





i) Institusi

Badan atau organisasi yang telah ditubuhkan untuk tujuan tertentu (Kamus Dewan Edisi Keempat). Dalam konteks kajian ini, institusi merujuk kepada Universiti yang merupakan tempat responden belajar. Terdapat dua cawangan yang dipilih iaitu Cawangan UiTM Pulau Pinang dan UiTM Terengganu.



## 1.11 Rumusan

Bab ini membincangkan mengenai latar belakang pemilihan topik kajian dan membantu dalam memberikan gambaran mengenai aspek utama kajian, iaitu penggunaan reka bentuk emoji flat dan skeuomorphism dalam poster kesedaran. Di samping itu, bab ini turut mengupas persoalan mengenai hubungan antara tahap realistik reka bentuk emoji dengan kesan rangsangan emosi pengguna dalam media yang tidak berbentuk media komunikasi seperti poster kesedaran dalam kalangan pengguna remaja khususnya.

Objektif kajian memfokuskan kepada membangunkan poster kesedaran dan pengukuran kesan penggunaan emoji pelbagai tahap realistik terhadap emosi dan empati pengguna. Cadangan kajian ini diharap dapat menyumbang kepada perkembangan pengetahuan yang berkaitan dengan peranan emoji dalam komunikasi sosial dan membantu dalam memilih tahap realistik emoji yang tepat bagi menyampaikan mesej kesedaran dan nilai empati yang optimum kepada masyarakat.

Bab 2 menjelaskan secara terperinci mengenai kajian-kajian lampau yang merangkumi definisi emoji, sejarah awal kewujudan emoji, kepentingan emoji di dalam bidang komunikasi, penggunaan emoji dalam pelbagai bidang serta kepentingan nilai-nilai estetika reka bentuk emoji. Dengan berpandukan kepada bahan-bahan dan kajian-kajian sedia ada ini, kerangka konseptual kajian dirangka dan dihasilkan.